


RONA TINTA

EDISI 2025



FAKULTI PENGURUSAN & PERNIAGAAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS REMBAU



KITA DAN IBADAH HAJI: TERUJA ATAU SEBALIKNYA

**Nor' Azurah Md Kamdari, Sharfizie Mohd
Sharip, Farrah Othman &
Yaasmin Farzana Abdul Karim**

Seseorang yang teruja untuk mengerjakan haji menunjukkan bahawa hatinya telah dijentik oleh Allah untuk menyahut seruan-Nya ini satu nikmat yang sangat besar dan tidak semua orang boleh memperolehnya. Perasaan teruja ini biasanya datang daripada keinginan mendekatkan diri kepada Allah yang Maha Esa. Individu tersebut melihat haji sebagai peluang penyucian diri dan pengampunan dosa. Timbul perasaan kesyukuran dan merendah diri untuk menghadap Allah. Selain itu mereka merasakan diberi peluang menunaikan rukun Islam kelima merupakan satu penghormatan daripada Allah Tuhan Maha Agung.

Kesedaran inilah yang akan menjadikan haji sebagai kemuncak ibadah umat Islam. Ia bukan sekadar perjalanan fizikal, tapi transformasi spiritual yang amat mendalam. Semangat berkongsi kebaikan oleh jemaah haji yang pernah pergi mengerjakan haji biasanya akan memberikan motivasi dan inspirasi kepada orang lain untuk menanam niat yang sama.

Bagi orang yang belum terbuka hati untuk pergi haji biasanya menghadapi pelbagai halangan sama ada dari segi emosi, kewangan, kesihatan, atau kefahaman tentang ibadah itu sendiri.

Kita perlu memahami setiap orang berada pada fasa berbeza dalam hidup dan perjalanan spiritual mereka.

Ada beberapa kemungkinan mereka belum faham hikmah dan tujuan haji. Bagi sesetengah orang, haji dilihat sekadar rutin agama, bukan pengalaman jiwa yang mendalam. Tanpa pemahaman rohani yang kuat, keinginan untuk pergi mungkin belum tumbuh. Selain itu mereka rasa belum bersedia – ada yang berasa diri masih ‘kotor’ atau ‘tak layak’. Perasaan ini sepatutnya mendorong seseorang untuk berazam menunaikan haji sebagai peluang untuk memperbaiki diri, bukan dijadikan alasan untuk menunda. Manakala terdapat juga yang takut cabaran fizikal dan mental, mereka berpendapat haji bukan mudah – ia memerlukan kesabaran, kekuatan dan disiplin. Ketakutan ini biasa, tapi boleh diatasi dengan ilmu dan sokongan. Manakala ada juga individu yang mengutamakan dunia melebihi akhirat di mana komitmen kerja, hutang, atau gaya hidup membuatkan seseorang menangguhkan haji walaupun mereka mampu.

Manakala bagi yang betul-betul telah bersedia untuk mengerjakan Haji perlulah membuat perancangan kewangan daripada sekarang. Ibadah haji adalah rukun Islam kelima yang menuntut bukan sahaja kekuatan fizikal dan mental, tetapi juga perancangan kewangan yang rapi. Ramai yang terlalu fokus kepada persediaan rohani, tetapi aspek kewangan sering diabaikan. Pertama sekali mereka perlulah membuat senarai perbelanjaan sebelum berangkat, seperti anggaran perbelanjaan termasuk kos asas seperti tambang, makan, penginapan dan perbelanjaan harian. Ini membantu kita agar tidak berbelanja secara berlebihan. Selain itu perlulah membawa duit mengikut keperluan - jangan membawa duit tunai terlalu banyak sekaligus. Bawa mengikut keperluan harian dan simpan selebihnya di tempat yang selamat atau gunakan perkhidmatan perbankan.

Selain itu, kita seharusnya mengelak daripada menunaikan haji bersama dengan kawan dengan harapan kawan tersebut boleh membantu apabila perlu. Walaupun berteman itu baik, terlalu bergantung kepada kawan boleh menyebabkan kita tidak berdikari dan kurang fokus kepada ibadah. Pastikan kita tahu laluan, waktu solat, dan aktiviti sendiri tanpa sentiasa bergantung kepada orang lain. Di samping itu, bagi menjaga masa dan tenaga kita harus elakkan berlama-lama di bazar walaupun godaan untuk membeli-belah memang besar. Ingatlah tujuan utama kita ke tanah suci adalah untuk beribadah.

Akhir sekali catat perbelanjaan harian iaitu amalkan mencatat setiap perbelanjaan. Ini bukan sahaja membantu kita mengawal bajet, tetapi juga menjadi panduan jika ingin membantu orang lain membuat persiapan haji pada masa hadapan.



Gambar 1: Ibadah tawaf mengelilingi Kaabah